



DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN KELIMA BELAS
4 JULAI 2024 – 5 JULAI 2024, 9 JULAI 2024 – 12 JULAI 2024,
DAN 15 JULAI 2024 – 18 JULAI 2024**

ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Hari Khamis, 11 Julai 2024
Jam 10.00 Pagi**

1. **Doa**
2. **Pertanyaan-pertanyaan**
3. **Usul-usul:-**
 - i) **Usul No. 8 Tahun 2024**, Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (KSP RS – 1) Dewan Negeri Selangor.
 - ii) **Usul No. 9 Tahun 2024**, Usul Resolusi Dewan Negeri Selangor Bagi Penutupan Akaun Kumpulan Wang Amanah Program Pusat Dokumen Pengenalan Diri Mysel Di Bawah Subseksyen 10(2) Akta Tatacara Kewangan 1957.

- iii) **Usul No. 10 Tahun 2024**, Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing

“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri untuk mula mengambil alih pengurusan rumah kos rendah berstrata demi kesejahteraan rakyat Selangor yang menduduki kediaman tersebut”.

- iv) **Usul No. 11 Tahun 2024**, Usul di bawah Peraturan Tetap 26(1) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing

“Bahawa Dewan yang mulia ini menggesa Kerajaan Negeri menyiapkan pemasangan panel solar di semua bangunan Kerajaan Negeri Selangor demi mempercepatkan agenda karbon rendah”.

- v) **Usul No. 12 Tahun 2024**; Usul Di Bawah Peraturan Tetap 26 (1) Oleh Ahli Dewan Negeri Kawasan Batu Tiga

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini mencadangkan supaya usul yang telah dibahas dan mendapat undian tertinggi oleh peserta-peserta ADN Muda pada 28 Mei 2024 yang lalu dibawa ke Dewan yang mulia ini iaitu menggesa Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil tindakan tegas terhadap perniagaan-perniagaan yang dikendalikan oleh warga asing yang menyalahguna lesen perniagaan milik warga tempatan” .

- vi) **Usul No. 13 Tahun 2024**, Usul di bawah Peraturan Tetap 76 (5) oleh Yang Berhormat Seri Serdang

“Bahawasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) Bagi Dewan Negeri Selangor Berhubung Projek *Selangor Maritime Gateway (SMG)* yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2024”.

4. Penangguhan